

Jangan berlebihan dalam bergurau senda



MARILAH kita sama-sama mengukuhkan iman dan taqwa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Dengan berbekalkan iman dan taqwa itu, mudah-mudahan kita sentiasa selamat di dunia dan selamat di akhirat. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala terus meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kita hingga ke akhir hayat.

Gurau senda, senyum tawa merupakan penyeri dalam kehidupan kerana ia mampu merapatkan hubungan silaturahmi dalam persaudaraan. Agama Islam tidak melarang umat-Nya untuk bergurau senda bahkan ia adalah diharuskan kerana naluri dan fitrah manusia itu memang cenderung kepada perkara-perkara tersebut sebagai salah satu cara atau wasilah untuk memperoleh ketenangan dan kesejahteraan. Selain itu bergurau

senda juga boleh melepaskan diri daripada keresahan dan ketegangan.

Sesungguhnya gurauan itu berlaku dalam bentuk perkataan atau perbuatan dan ia diharuskan dalam agama Islam selagi ia tidak bertentangan dengan ajaran agama. Ketahuilah, agama kita melarang gurau senda yang berlebihan atau bergurau terhadap perkara yang sia-sia kerana ketawa secara berlebihan dan boleh menyebabkan keras hati serta melalaikan diri daripada berzikir mengingat Allah Subhanahu Wata'ala. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Janganlah kamu banyak ketawa kerana sesungguhnya banyak ketawa itu mematkan hati".

Hadis tersebut mengingatkan kita tentang akibat terlalu banyak ketawa kerana apabila hati sudah menjadi keras, maka adalah susah dan sukar untuk menerima cahaya kebenaran. Akan tetapi, janganlah pula terlalu serius sehingga tidak pernah ketawa dan sering berasam muka sehingga boleh menyinggung perasaan orang lain dan boleh menyebabkan orang lain menjauhkan diri daripada kita.

Daripada Abu Zarrin Ghifaari Radiallahuanhu berkata, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Senyum nyu kepada saudara mu merupakan sedekah".

Sesungguhnya bergurau senda dibolehkan oleh Syarak, namun ada syarat atau batasan tertentu yang mesti dijaga supaya kita tidak sampai berlebihan dalam bergurau senda, antaranya :

Pertama : Tidak berlebih-lebihan dalam bergurau sehingga hilang sifat sopan santun.

Kedua : Hendaklah gurauan itu dengan tujuan untuk beramah-tamah atau menyenangkan hati orang lain.

Ketiga : Hendaklah dia tidak mengatakan dusta ketika bergurau (tidak berkata kecuali dalam perkara yang benar). Daripada Muawiyah bin Haidah Al-Qusyairi, saya mendengar Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Celaka bagi orang yang berbicara dengan perciraan untuk membuat manusia ketawa lalu dia berdusta, celaka baginya, celaka baginya". (Riwayat Al-Imam At-Termizi).

Keempat : Hendaklah gurauan itu tidak mengandungi perkara yang menakutkan orang lain. Daripada Abu Laili Al-Ansyari, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Tidak dibolehkan bagi seorang Muslim menakut-nakutkan seorang Muslim yang lain". (Riwayat Al-Imam Abu Daud).

Kelima : Hendaklah gurauan itu tidak mengandungi perkara yang menghina, mencera dan menyakitkan hati orang lain. Daripada Abdullah bin Mas'ud Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Orang mukmin bukan seorang pencela, bukan seorang pengutuk, bukan seorang pengkeji dan bukan juga seorang yang berkata kotor". (Riwayat Al-Imam At-Termizi).

Keenam : Hendaklah dia tidak bergurau senda dalam perkara yang apabila diguraukan perkara itu akan menjadi sungguh-sungguh seperti nikah, talak atau rujuk. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Tiga perkara yang dilakukan secara bersungguh-sungguh menjadi sah, dan

jika dilakukan secara gurauan juga akan menjadi sah, iaitu nikah, talak dan rujuk". (Riwayat Al-Imam Abu Daud).

Antara sebab kita bergurau adalah untuk menyenangkan dan menggembarakan hati orang atau menghilangkan stress terutamanya mereka yang berada dalam keresahan dan kesusahan. Akan tetapi, berhati-hatilah dengan gurauan yang berlebihan kerana ia boleh saja mencetuskan permusuhan dan kemarahan sehingga menyebabkan terputusnya hubungan silaturahmi yang dilarang dalam agama kita. Ingatlah, mungkin ada hati yang akan terguris atau terluka disebabkan gurauan tersebut seperti bergurau senda pada bentuk rupa fizikal atau perkara-perkara yang lebih baik untuk disembunyikan sahaja dari menjadi bahan gurauan dan diketahui oleh orang lain dan sebagainya.

Oleh itu, elakkanlah gurauan yang mempunyai unsur-unsur menghina, mencera dan menyakitkan hati orang lain. Janganlah dan elakkanlah bergurau senda secara berlebihan kerana dikuatiri ia boleh menjadi satu kebiasaan atau amalan di dalam kehidupan kerana kesan yang tidak baik akibat dari gurauan secara berlebihan tersebut mungkin akan terjadi. Sama-samalah kita berdoa agar kita sentiasa mendapat hidayah dan rahmat yang berpanjangan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Yaa Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-An'am, ayat 32, yang tafsirnya :

"Dan tiadalah kehidupan di dunia ini melainkan hanyalah permainan dan senda-gurau (semata-mata) dan sesungguhnya negeri akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa. Oleh itu tidaklah kamu mau menggunakan akal (untuk berfikir)?"

Istiqamah sifat terpuji



PENGARAH Pusat Perhubungan Awam dan Hal Ehwat Antarabangsa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Haji Sammali bin Haji Adam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Jun. - Selain melaksanakan amalan-amalan wajib yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada setiap umat-Nya, amalan sunnah juga memiliki keistimewaan luar biasa yang boleh menyempurnakan amalan wajib yang kita kerjakan dalam kehidupan seharian.

Amalan sunnah merupakan sesuatu yang dilakukan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sama ada melalui perlakuan, perbuatan, percakapan dan ikrar Baginda.

Melaksanakan amalan sunnah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan antara nikmat terbesar yang Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan kepada seorang umat Islam yang mana apabila melakukannya akan mendapat pahala dan tidak berdos

jika kita meninggalkannya.

Terdapat banyak amalan sunnah yang boleh dilakukan dan menjadi amalan kita setiap hari antaranya ialah menunaikan Solat Tahajud, Solat Dhuha, berzikir, bersedekah, memelihara wuduk, beristighfar, berpuasa tiga hari setiap bulan dan banyak lagi.

Bulan Ramadan yang baru berlalu menyaksikan umat Islam berlumba-lumba untuk meningkatkan keimanan dan amalan masing-masing dengan melaksanakan pelbagai amalan sunnah namun persoalannya ialah bagaimana cara kita untuk terus mengekalkan kecermerlangan ini pada bulan-bulan yang lain?

Dalam hubungan ini, Islam sangat-sangat menuntut umatnya supaya istiqamah dalam melakukan amal kebajikan demi memperbaiki diri ke arah yang lebih baik selain meningkatkan ketaqwaan dan keimanan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Istiqamah itu sendiri membawa maksud berdiri teguh dan tetap pendirian dalam melakukan perkara secara berterusan dan konsisten namun istiqamah bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilakukan oleh seseorang tetapi tidak mustahil jika keimanan dan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala cukup teguh.

Ini kerana amalan yang dilakukan secara istiqamah lebih disukai Allah.

Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Hal Ehwat Antarabangsa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Haji Sammali bin Haji

Adam ketika diminta mengulas mengenai cara-cara untuk kekal istiqamah dalam melaksanakan amalan sunnah mengongsikan beberapa cara yang dapat dilakukan agar kita dapat terus istiqamah untuk melakukan amal ibadah.

Antara caranya ialah memahami dengan mendalam setiap amalan sunnah yang dikerjakan, membandingkan amalan diri sendiri dengan orang lain. Melakukan amalan tersebut dimulai secara sederhana dan bukan drastik, memaksa diri untuk melakukannya kerana tahu akan kelebihannya, memberangsangkan keinginan melakukan amalan sunnah dengan mendengarkan tazkirah, mendampingi kawan-kawan yang sering melakukan amalan sunnah serta membayangkan doa memohon pertolongan daripada Allah agar sentiasa istiqamah.

Istiqamah menurut Awang Haji Sammali adalah satu ungkapan yang sangat mudah untuk diucapkan, akan tetapi sangatlah sulit untuk dilakukan apatah lagi dalam perkara amalan yang sunnah.

"Biasanya bila kita menyebut amalan yang sunnah maka kita akan mudah memahami bahawa amalan tersebut adalah yang bila dikerjakan dapat pahala dan ditinggalkan tidak ada apa-apa. Pengertian beginilah yang sering diterjemahkan sehingga perkara itu dipandang ringan oleh segelintir masyarakat kita," ujarnya.

Untuk itu menurutnya, kita perlulah memahami amalan-amalan sunnah seperti melakukan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

sembahyang-semahyang sunat, berzikir, sumbangan sedekah yang kita infakkan dan banyak lagi adalah amalan-amalan yang mendekatkan diri kita kepada Allah.


Adapun dalam kita beristiqamah, walaupun dengan amalan yang sedikit, tetapi berterusan adalah lebih afdal atau lebih baik daripada melakukan amalan yang banyak tetapi hanya sekali-sekala.

Istiqamah merupakan salah satu sifat yang mulia lagi terpuji yang sangat dituntut oleh Allah Subhanahu Wata'ala agar kita sentiasa taat kepada-Nya, itulah istiqamah yang ditekankan dalam kitab suci Al-Quran, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Hud, ayat

112 :

"Maka hendaklah engkau wahai Nabi Muhammad sentiasa beristiqamah tetap teguh di atas jalan yang benar sebagaimana yang diperintahkan kepadamu, dan orang-orang yang bertaubat bersamamu, dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya Dia Maha Melihat apa yang kamu kerjakan."

Daripada Aisyah Radiallahuanha, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : *"Wahai manusia hanyakantlah amalan mengikut keupayaan kamu. Sesungguhnya Allah tidak jemu sehinggalah kamu jemu. Amalan yang paling Allah sukai ialah amalan yang berterusan walaupun sedikit."* (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim).



GAMBAR Hiasan.... Islam sangat-sangat menuntut umatnya supaya istiqamah dalam melakukan amal kebajikan demi memperbaiki diri ke arah yang lebih baik selain meningkatkan ketaqwaan dan keimanan kita kepada Allah.